

## **BAB II**

### **PERANAN DAN SUMBANGAN DALAM ILMU KALAM**

#### **Pendahuluan**

Ilmu Kalam adalah salah satu dari empat disiplin keilmuan Islam yang telah tumbuh dan menjadi bahagian dari tradisi kajian tentang agama Islam. Tiga yang lainnya ialah disiplin-disiplin ilmu fiqh, tasawuf dan falsafah. Jika Ilmu Fiqh mengkhususkan segi-segi formal peribadatan dan hukum, sehingga tekanan orientasinya sangat memfokuskan mengenai hal-hal lahiriah (eksoteristik), dan Ilmu Tasawuf mengkhususkan segi-segi penghayatan dan pengamalan keagamaan yang lebih bersifat peribadi, sehingga tekanan orientasinya pun sangat memfokuskan mengenai hal-hal yang bersifat batiniah (esoteristik), kemudian Ilmu Falsafah mengkhususkan hal-hal yang bersifat perenungan spekulatif tentang hidup ini dan ruang lingkupnya seluas-luasnya. Ilmu Kalam ilmu yang mengarahkan pembahasannya kepada segi-segi mengenai Tuhan dan pelbagai aspek tentang-Nya.

Sebagai salah satu unsur dalam kajian klasik pemikiran keislaman, Ilmu Kalam menempati kedudukan yang cukup terhormat dalam tradisi keilmuan umat Islam. Ini terbukti dari jenis-jenis penyebutan lain ilmu itu, iaitu sebutan sebagai Ilmu Aqa'id (Ilmu Aqidah), Ilmu Tauhid (Ilmu tentang Kemahabsaan

Tuhan) dan Ilmu Usul al-Din (Usuluddin, yakni ilmu asas-asas agama)<sup>1</sup>.

Ilmu Kalam yang diajarkan di alam Melayu pada umumnya adalah Ilmu Kalam dalam bentuk Ilmu Tauhid. Ilmu Tauhid biasanya dalam pembahasannya kurang mendalam dan kurang bersifat falsafah. Selanjutnya, ia juga biasanya memberi pembahasan sepihak dan tidak mengemukakan pendapat dan faham dari aliran-aliran atau golongan-golongan lain yang ada dalam Ilmu Kalam. Kenyataan ini mungkin mempunyai kaitan dengan namanya Ilmu Tauhid yang mengandung erti Satu atau *Esa* dan Keesaan dalam pandangan Isiam sebagai agama monotheisme, merupakan sifat yang terpenting di antara segala sifat-sifat Allah yang memang tidak perlu dipertikaikan<sup>2</sup>.

Dalam sistem pengajian pondok, kajian tentang Ilmu Kalam merupakan suatu kegiatan yang tidak mungkin ditinggalkan. Seperti nama-namanya yang tersebut di atas, Ilmu Kalam menjadi tumpuan pemahaman tentang sendi-sendi paling asas dalam ajaran agama Islam, iaitu asas-asas kepercayaan, masalah kemahaesaan Tuhan, dan asas-asas ajaran agama. Kerana itu, tujuan pengajian Ilmu Kalam di pondok dan madrasah ialah untuk menanamkan fahaman keagamaan yang benar. Maka dari itu, pendekatannya pun biasanya bersifat doktrin, dan sering juga dogmatik<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Nurcholish Madjid, *Islam Doktrin Dan Peradaban*. ( Jakarta : Yayasan Wakaf Paramadina, 1992), hlm.202.

<sup>2</sup> Ibid., hlm. X.

<sup>3</sup> Nurcholish Madjid, *Islam*, hlm. 202.

Memang pada masa awal pertumbuhan dan perkembangan Ilmu Kalam di Alam Melayu banyak diwarnai oleh Ilmu Kalam yang mengandungi unsur mistik dan falsafah, seperti yang dikembangkan oleh Hamzah Fansuri dan Syamsuddin as-Sumatrani, namun keadaan ini beransur berubah dan bertukar kepada Ilmu Kalam Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang dipelopori oleh Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.

### **Al-Asy'ari Dan Pemikiran Ilmu Kalamnya**

Istilah Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah merujuk kepada golongan yang berpegang teguh pada Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan merupakan golongan majoriti di kalangan umat Islam. Istilah ini timbul sebagai reaksi terhadap fahaman golongan Mu'tazilah yang banyak menggunakan akal dan tidak kuat berpegang pada Sunnah dan kemudian merupakan golongan minoriti di kalangan umat Islam<sup>4</sup>.

Fahaman Ilmu Kalam al-Asy'ari termasuk Ilmu Kalam tradisional, yang mengambil kedudukan antara golongan rasionalisme ekstrim yang menggunakan pena'wilan terhadap ayat-ayat dan golongan tektualisme ekstrim yang memahami ayat-ayat al-Quran secara tersurat (harfiyah). Al-Asy'ari mengambil kedudukan di antara aliran Mu'tazilah dan Salafiyah, meskipun dalam hal-hal tertentu kayu pengukur yang digunakan sebagai jalan tengah yang diambilnya kadang-kadang tidak begitu jelas. Satu ketika beliau memihak Mu'tazilah, pada masa lain

---

<sup>4</sup> Harun Nasution, *Teologi Islam*. (Jakarta : Universitas Indonesia Press, 1986) , hlm. 4.

cenderung ke Salafiyah, dan lain ketika pula, mengambil kedua-dua pendapat dari dua aliran yang bertentangan itu lalu mengkompromikannya menjadi satu<sup>5</sup>.

Pemikiran al-Asy'ari yang asli baru dapat diketahui setelah beliau menyatakan pemisahan dirinya dari Mu'tazilah dan pengakuannya menganut faham aqidah salafiyah aliran Ahmad bin Hanbal, iaitu suatu keimanan yang tidak didasari penyelaman persoalan ghaib yang mendalam. Di sisi lain, beliau hanya percaya pada aqidah dengan dalil yang ditunjuk oleh nas, dan difahami secara tektual sebagaimana yang tertulis dalam kitab suci dan sunnah Rasul. Fungsi akal hanyalah sebagai saksi pembenar dan penjelas dalil-dalil al-Quran. Akal hanya terletak di belakang nas-nas agama yang tidak boleh berdiri sendiri. Ia bukanlah hakim yang akan mengadili. Spekulasi apapun terhadap segala sesuatu yang suci dianggap suatu bid'ah. Setiap dogma harus dipercayai tanpa mengajukan pertanyaan bagaimana dan mengapa<sup>6</sup>.

Al-Asy'ari banyak menghasilkan karangan-karangan iaitu sekitar 90 buah dalam pelbagai bidang ilmu keislaman. Di antara karya-karyanya yang paling terkenal dan sampai sekarang masih menjadi bahan kajian oleh kalangan cerdik pandai ialah **Maqalat al-Islamiyyin** (pendapat golongan-golongan Islam) yang merupakan buku pertama dikarang dalam soal-soal kerpercayaan Islam dan menjadi sumber yang penting kerana ketelitian dan kejujuran pengarangnya. Kedua ialah **al-Ibanah an Usul Diyanah** (penjelasan tentang asas-asas agama) yang berisi hurai-

<sup>5</sup> Zainun Kamal, "Kekuatan Dan Kelemahan Paham Asy'ari Sebagai Doktrin Akidah", dalam Budhy Munawar Rachman (ed), **Kontekstualisasi Doktrin Islam Dalam Sejarah**. ( Jakarta : Yayasan Wakaf Paraunadina, 1994), hlm. 131.

<sup>6</sup> Zainun Kamal, **Kekuatan**, hlm.135.

tentang kepercayaan Ahlul Sunnah Wal Jamaah. Dalam buku ini Asy'ari dengan pedas menyerang aliran Mu'tazilah. Dan yang ketiga ialah **al-Lumia'** (sorotan), yang dimaksudkan untuk membantah lawan-lawannya dalam beberapa persoalan Ilmu Kalam<sup>7</sup>.

Dengan demikian, jelaslah kedudukan imam al-Asy'ari, seperti yang digambarkan oleh pengikut-pengikutnya, sebagai seorang muslim yang ikhlas membela kepercayaan dan mempercayai isi al-Quran dan hadith, dengan menempatkannya sebagai dasar atau asas, di samping menggunakan akal fikiran, di mana tugasnya tidak lebih daripada memperkuat nas-nas tersebut. Hampir setiap pendapatnya bercirikan pengambilan jalan tengah antara pendapat pihak-pihak yang berlawanan pada masanya. Diantara fokus perdebatan yang hangat diperkatakan ketika itu ialah tentang sifat-sifat Tuhan, kekuasaan Tuhan dan perbuatan manusia, melihat Tuhan di hari kiamat, dan dosa besar.

### Karya-karya Ilmu Kalam di Alam Melayu

Pemikiran-pemikiran al-Asy'ari dalam bidang Ilmu Kalam yang kemudian terkenal dengan aliran Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah berkembang dengan baik, selain didukung oleh pemerintah pada zaman itu, juga yang tidak kalah pentingnya ialah kerana beliau mempunyai pengikut-pengikut yang setia dengan mempunyai komitmen yang tinggi dan selalu menyebarkan ajaran-ajarannya.

---

A.Hanafi, *Pengantar Teologi Islam*. (Jakarta : Al-Husna Zikra, 1995), hlm. 107.

Di antara tokoh-tokoh penting yang banyak mengembang, menyebar dan menjelaskan ajaran-ajaran al-Asy'ari ialah al-Baqillani (m.403H), Ibn Faurak (m.406H), Ibn Ishak al-Isfaraini (m.418H), Abdul Qadir al-Baghdadi (m.429H), Imam al-Haramaini al-Juwaini (m.478H), Abdul Muzaffar al-Isfaraini (m.478H), al-Ghazali (m.505H), Ibn Tumart (m.524H), as-Syihristani (m.548H), ar-Razi (1149-1209M), al-Iji (m.756H / 1359M) dan as-Sanusi (m.895H)<sup>8</sup>.

Daripada karya-karya al-Asy'ari dan pengikut-pengikutnya inilah ulama-ulama alam Melayu yang kemudian menperkenal, menyebar dan mengembangkan ilmu Kalam aliran Ahlus Sunnah Wal Jamaah di rantau ini. Di antara karya yang membahas ilmu Kalam yang lebih awal muncul di rantau ini ialah **Aqa'id an-Nasafi** atau **al-Kitabun Nasafi** yang bertarikh 998H /1590M. Kitab yang tidak diketahui secara pasti nama dan tempat asal ulama alam Melayu yang menterjemahkannya ini buat pertama kali diperkenalkan oleh Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan judul **The Oldest Know Malay Manuscript A 16<sup>Th</sup> Malay Translatration Of The Aqa'id al-Nsafi** pada tahun 1988<sup>9</sup>.

Karya-karya dalam bidang ini, kemudian disusuli dengan **Ilmu Tauhid** karya Ahmad bin Aminuddin al-Qadhi, Kedah pada tahun 1032H /1622M., **Duraru al-Fara'id bi Syarhil Aqa'id** karya Syeikh Nuruddin ar-Raniri pada tahun 1040H / 1630M., **Syarhu Aqa'id al-Iman** karya Syeikh Syihabuddin bin Abdullah pada

<sup>8</sup> Ibid., hlm.110.

<sup>9</sup> Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Faridatul Faraid**. ( Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm. 1.

tahun 1162H / 1748M., **Bidayatul Hidayah** Karya Syeikh Muhammad zain bin Faqih Jalaluddin Aceh pada tahun 1170H / 1756M., **Zahratul Murid Fi Bayani Kalimatit Tauhid** karya Syeikh Abdus Shamad al-Palimbani pada tahun 1178H / 1764M., dan **Tuhfatur Raghabin fi Bayani Haqiqatil Imanil Mu'minin** karya Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari pada tahun 1188H / 1774M.<sup>10</sup>

Ulama Alam Melayu yang paling banyak menghasilkan karya dalam bidang Ilmu Kalam ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Di antara karya-karya beliau dalam bidang ini ialah **Sifat Dua Puluh, Irsyadul Athfal, Risalatut Ta'alluqi bi Kalimati Iman, Dhiyaul Murid, Ad-Durruts Tsamin, Warduz Zawahir** dan **al-Bahjatul Wardiyah**. Hal ini diakui antara lain oleh Haji Abdul Aziz Ambak yang mengatakan bahawa :

*"Setelah diteliti dan diamati, dengan mudahnya kita dapatil al-Alim al-Alamah al-Syeikh Daud al-Fatani banyak sekali berjasa dalam perkembangan ajaran atau pun mazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Ajaran ini diabadikan dalam kitab-kitab beliau secara khusus dan mudah difahami oleh semua peringkat pemikiran manusia. Maka dapat sekalilah kalau beliau dianggap sebagai barisan ulama yang unggul dan pelopor yang berani mempertahankan kewibawaan mazhabnya itu di samping dapat pula menangkis hujah batil dari mazhab di luar aliran tersebut, seperti Qadariyah, Jabariyah, dan lainnya yang sungguh berbahaya kepada pengangan akidah orang ramai".<sup>11</sup>*

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 2-3.

<sup>11</sup> Haji Abdul Aziz Ambarak bin Haji Ismail, "Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Akidah Di Nusantara", (Kertas Kerja yang dibentangkan pada Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Kali keempat, Pusat Islam Malaysia, 1991), hlm. 28.

## **Peranan Dan Sumbangan Syeikh Ahmad al-Patani Dalam Ilmu Kalam**

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani menempati tempat kedua ulama yang paling banyak menghasilkan karya dalam bidang Ilmu Kalam di alam Melayu selepas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Namun Syeikh Ahmad al-Patani adalah merupakan ulama dan tokoh yang paling banyak berjasa dalam penyebaran Ilmu Kalam di rantau ini kerana mulai dari **Bidayatul Hidayah** karya Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh hingga karya Syeikh Daud al-Fatani semua ditashihh dan disebarluaskan secara meluas oleh Syeikh Ahmad al-Patani.<sup>12</sup>

Di antara karya-karya Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang Ilmu Kalam sama ada dalam bahasa Melayu maupun bahasa Arab ialah **Jumanatut Tauhid** (1293H /1876M), **Munjiatul Awam li Manhajil Huda Minaz Zhalam** (1293H /1876M), **Minhajus Salam fi Syarhi Hidayatil Awam** (1306H / 1888M), **Iqdu al-Juman fi Aqa'edu al-Iman** (1306H /1888M), **Faridatul Fara'id fi Ilimil "Aqa'id** (1313H /1895M), **Risalah Kecil Sifat Dua Puluh** (1321H) dan **Nurul Mubin**<sup>13</sup>.

Kitab **Faridat al-Fara'id** adalah merupakan karya Syeikh Ahmad al-Patani yang penting dalam ilmu tauhid<sup>14</sup>. Kitab setebal 24 halaman ini nama penuhnya ialah

<sup>12</sup> Mahayudin Haji Yahya, **Islam Di Alam Melayu**. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1998), hlm.71. Lihat juga Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Faridatul**, hml.5.

<sup>13</sup> Hasan Madmarn, **The Pondok and Madrasah in Patani**. (Bangi : Penerbit UKM,1999), hml.27-29.

<sup>14</sup> Kitab ini dinilai sangat penting khususnya bagi masyarakat Islam Patani kerana di sana telah muncul dua buah kitab yang membuat syarahannya terhadap kitab ini, iaitu kitab **Pati Faridat al-Fara'id**(1385H) karya al-Haj Nik Abdullah al-Jambui dan kitab **Umdat al-Thalib al-Mujtahid fi Syarah Faridat al-Fara'id** (tanpa tahun) karya al-Haj Abdullah bin al-Haj Ibrahim al-Patani al-Jabi dan ditashih oleh Tuan Guru al-Alim al-Allamah al-Fadhil al-Haj Ahmad bin al-Haj Abdul Wahab al-Fusani, Perigi, Patani.

**Faridat al-Fara'id fi Ilm al-Aqa'id.** Ia membincarkan tentang ilmu tauhid berdasarkan aliran atau mazhab Imam al-Asy'ari. Di dalamnya mengandungi beberapa pokok pemikiran tentang aqidah yang sangat penting bagi tiap-tiap mukallaf untuk mengetahuinya, terutama bagi orang yang baru belajar ilmu tauhid. Menurut penulisnya sendiri, bahawa kitab ini suci daripada segala campuran kupasan yang lain daripada ilmu ini, dan juga bersih daripada segala ibarat yang berlebih-lebihan serta sangat mudah dimengertikan<sup>15</sup>. Kitab ini diselesaikan di Makkah pada tahun 1313H /1895M. Ianya pertama kali dicetak oleh percetakan Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyah, Kaherah, Mesir.<sup>16</sup> Ia mengalami beberapa kali percetakan ulangan baik di Timur Tengah mahupun di alam Melayu sendiri. Cetakan terkini diusahakan oleh cucu Syeikh Ahmad al-Patani sendiri iaitu Haji Wan Muhammad Shaghir Abdullah pada tahun 1998 dalam bentuk asal (jawi) dan dirumikan.

Menurut tradisi pengajian pondok di Alam Melayu, tiga buah kitab ilmu tauhid yang dipelajari secara berurutan ialah dimulai dari **Faridat al-Fara'id** karya Syeikh Ahmad al-Patani kemudian disambung dengan **Sirajul Huda** karya Syeikh Zainuddin bin Muhammad Badawi as-Sumbawi. Setelah betul-betul mahir kedua kitab ini, barulah diteruskan dengan pengajian kitab **ad-Durruts Tsamin** karya

---

<sup>15</sup> Syeikh Ahmad bin Muhaminad Zain al-Patani, **Faridat al-Fara'id fi Ilm al-Aqa'id**. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1996). hlm. 1 ; lihat juga Ismail Che Daud, "Tok Guru Wan Ahmad Patani", dalam **Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu**. (Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1992), hlm. 115.

<sup>16</sup> Hasan Madmarn, **The Pondok and Madrasah in Patani** (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), hlm. 27.

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani<sup>17</sup>.

Karya Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang tauhid yang lain ialah **Uqd al-Juman fi Aqa'idu al-Iman**. Seperti dinyatakan oleh pengarangnya sendiri bahawa kitab ini membincarkan tentang ilmu tauhid iaitu ilmu aqidul iman dan usuluddin berdasarkan mazhab Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari, imam ahli sunnah wal Jamaah. Isinya mengandungi asas-asas aqidah dan persoalan-persoalan yang perlu diketahui berhubung dengan masalah aqidah. Pengarang menambahkan lagi bahawa karya ini suci dan bersih daripada segala campuran ilmu yang lain dan mudah difahami segala ibaratnya.<sup>18</sup>

Selain yang disebutkan di atas, kitab **Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtadin** juga membincarkan tentang ilmu tauhid, disamping fiqh dan tasavvuf. Di catatan pinggirnya, pengarang menambahkan penjelasan dan komentarnya. Dalam kata pengantarnya, Syeikh Ahmad menyatakan :

*"Ini sebuah kitab yang kecil yang amat pendek ibaratnya lagi amat nyata segala kehendak lagi elok aturannya dinamakan dia Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtadin pada bicara ilmu usuluddin dan ilmu fiqh daripada yang bergantung dengannya ibadat dan muamala dan lain daripada keduanya."<sup>19</sup>*

<sup>17</sup> Wan Muhd. Shaghir Abdullah, **Faridatul**, hlm.6.

<sup>18</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Uqd al-juman fi Aqa'idu al-Iman**. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1999), hlm.1.

<sup>19</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtadin**. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 2000), hlm.1.

Kitab ini telah diselesaikan di Makkah pada tahun 1310H/1892M di dicetak di percetakan al-Matba'ah al-Miriyah, Makkah. Edisi ketujuh telah direvisi oleh anak pengarang, Ismail bin Ahmad, dan dicetak ulang oleh Dar al-Ma'arif, Pinang.<sup>20</sup>

Dalam masa yang sama dengan Syeikh Ahmad al-Patani masih ada kitab-kitab tauhid yang lain telah dihasilkan oleh ulama-ulama Alam Melayu. Di antaranya **Zahratul Murid fi 'Aqaidit Tauhid** karya Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan al-Kalantani, **Majmu'u Irfan fi Ma'rifati Aqaidil Iman** karya Wan Abdur Rahman bin Wan Sulaiman al-Kalantani, **Athiyatur Rahman** dan **Badi'uz Zaman** kedua-duanya karya Syeikh Muhammad Azhari bin Abdullah al-Palimbani dan **Fathur Rahman** karya Syeikh Abdul Qadir bin Shabir berasal dari Mandailing<sup>21</sup>.

Adapun kitab tauhid yang paling tebal dan pembahasannya yang sangat teliti dalam bahasa Melayu ialah kitab **Warduz Zawahir** karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Patani kemudian disusuli dengan kitab **al-Muqaddimatul Kubra allati Tafarra'at minhan Nuskhatus Shughra** karya Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi dan terakhir kitab **Aqidatun Najin fi Ilmi Ushulid Din** karya Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal al-Fatani)<sup>22</sup>.

Di dalam tradisi mempelajari ilmu tauhid atau ilmu kalam, terutama yang diajar di pondok, langkah pertama seseorang pelajar itu diperkenalkan dengan apa yang disebut sebagai "hukum akal"(law of reason). Hal ini dapat ditemukan dalam

---

<sup>20</sup> Hasan Madmarn, **The Pondok**, hlm.27

<sup>21</sup> Wan Muhd. Shaghir , **Faridatul**, hlm. 7.

<sup>22</sup> Hasan Madmarn, **The Pondok**, hlm.29-31

kitab-kitab tauhid, mulai dari yang paling tradisional hingga yang paling modern seperti buku **Risalah Tauhid** karya Muhammad Abduh, misalnya. Melalui kategori-kategori yang dirumuskan sebagai hukum akal itu, iaitu wajib, mustahil dan harus, seseorang pelajar diajak memahami tentang konsep ketuhanan dan kenabian. Maka pelajar pun mengetahui sifat-sifat Tuhan dan Nabi-nabi, baik yang dikategorikan sebagai sifat-sifat yang wajib, sifat-sifat yang mustahil mahupun sifat-sifat yang harus<sup>23</sup>.

Masalah-masalah lain seperti kepercayaan tentang malaikat, kitab-kitab yang diwahyukan, hari akhirat mahupun qadha dan qadar adalah lanjutan atau pelengkap dari kepercayaan terhadap Tuhan dan kenabian tersebut. Pembahasan tentang dan disekitar hal-hal inilah yang selama ini disebut sebagai ilmu tauhid<sup>24</sup>.

#### **Penjelasan Syeikh Ahmad al-Patani Tentang Sifat-sifat Allah**

Sebagai penentang Mu'tazilah, sudah tentu al-Asy'ari berpendapat bahawa Tuhan mempunyai sifat. Mustahil Tuhan sendiri merupakan pengetahuan (Ilm). Yang benar, Tuhan itu mengetahui ("Alim). Tuhan mengetahui dengan pengetahuan-Nya,

---

<sup>23</sup> Djohan Effandi, "Konsep-Konsep Teologis", dalam Budiy Munawar Rachman (ed), Kontekstualisasi, hlm.53. Selanjutnya lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, Pemikiran Islam Di Malaysia. (Jakarta : Gema Insani Press,1997), hlm.41 ; Mohd. Nor Ngah, Kitab Jawi : Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars.( Singapore : Institute of Southeast Asian Studies,1982), hlm. 9.

<sup>24</sup> Ibid., hlm. 54.

bukanlah dengan Zat-Nya. Demikian pula bukan dengan sifat-sifat seperti sifat hidup, berkuasa, mendengar dan melihat<sup>25</sup>.

Di sini terlihat, al-Asy'ari menetapkan sifat kepada Tuhan seperti halnya kaum salaf. Namun cara pentafsirannya cukup berbeza. Kaum salaf hanya menetapkan sifat kepada Allah, sebagaimana teks ayat, tanpa melakukan pembahasan mendalam. Mereka hanya menerima erti dengan jalan kepercayaan, bahawa sifat-sifat Allah berbeza dengan sifat makhluk-Nya. Lain halnya dengan al-Asy'ari, baginya erti sifat tidak jauh berbeza dengan pengertian sifat bagi Mu'tazilah. Bagi al-Asy'ari, sifat berada pada zat, tetapi sifat bukan zat, dan bukan juga lain dari zat.<sup>26</sup>

Dalam kaitan dengan asas-asas pemikiran imam al-Asy'ari tentang Ilmu Kalam seperti yang disebutkan di atas, Syeikh Ahmad al-Patani banyak memfokuskan huraianya tentang sifat-sifat Allah. Menurut beliau, bahawa sifat kesempurnaan bagi Allah sangat banyak, tidak ada siapapun yang mengetahui kecuali Allah sahaja. Setengah daripada sifat kesempurnaan bagi Allah yang wajib diketahui secara tafsili<sup>27</sup> ialah 13 atau ada juga yang mengatakan 20. Beliau menambahkan bahawa pendapat yang sahih ialah pendapat yang mengatakan 13 sifat

---

<sup>25</sup> Zainun Kamal, **Kekuatan**, hlm. 136.

<sup>26</sup> Ibid., hlm. 137.

<sup>27</sup> Menurut Haji Nik Abdullah al-Jambui, yang dimaksudkan dengan tafsili iaitu huraian yang memerlukan dalil yang panjang dan menditail terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan, terutama persoalan-persoalan berat dan susah, lihat **Pati Faridah al-Fara'id**.( Patani : Teman Pustaka Press, 1385H), hlm.9.

kerana 7 sifat yang tinggal lagi itu wajib diketahui secara ijmal sahaja<sup>28</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa yang pertama daripada 13 sifat Allah itu ialah *wujud* (sifat nafsiyah), yang ertinya ada Allah S.W.T. Yang dikehendaki dengan wujud disini ialah wujud yang zati, iaitu bahawa ada Allah itu dengan sendiri-Nya tanpa ada yang menjadikan-Nya, ada-Nya pula tidak berubah, tidak mati, tidak hilang, tidak binasa bahkan kekal selama-lama-Nya. Wujud adalah sifat yang tsubutiyah ( sebagai ketetapan keadaan Allah Ta'ala) yang menunjukkan bahawa bersifat Dia dengan zat dan tidak ada makna yang lebih daripada itu. Memadailah bagi mukallaf bahawa mengetahui Allah S.W.T. itu maujud sebagai wujud yang tidak dapat digambarkan pada akal tentang ketiadaan-Nya. Tidak wajib bagi mukallaf mengetahui bahawa wujud-Nya itu 'ain zat-Nya atau lain daripada zat-Nya, kerana yang demikian itu sebahagian daripada beberapa masalah yang dalam dan tersembunyi pada ilmu usuluddin<sup>29</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan bahawa sebagai lawan dari sifat wujud adalah mustahil Allah tidak wujud (ada), kerana dalil atau bukti kewujudan-Nya adalah seluruh makhluk ini. Bukti lain tentang kewujudan Allah disampaikan oleh para rasul-Nya. Sifat wujud ini dinamakan sifat nafsiyah, iaitu merujuk kepada

---

<sup>28</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Faridat al-Fara'id fi Ilm al-Aqa'id*. (Makkah : Mathba'ah al-Miriyah, 1325H), hlm.6.

<sup>29</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani, *Faridah*, hlm.7. ; lihat juga penjelasan Nik Abdullah al-Jambui, *Pati*, hlm.10. ; dan huraian Haji Abdullah bin Haji Ibrahim al-Fathani, *Umdat al-Thalibu al-Mujtahido fi Syarah Faridah al-Fara'id*. (Patani : Maktabah wa Mathba'ah Muhammad al-Nahdi wa Auladuhu, 1380H), hlm. 38.

nafsun dengan makna zat, kerana tidak melazimkan ia melainkan dengan zat<sup>30</sup>.

Dalam huraian berikutnya, Syeikh Ahmad al-Patani menyatakan bahawa sifat Allah yang kedua ialah sifat *qidam zati* (sifat salbiyah) yang ertiannya sediakala ada Allah. Allah S.W.T. adalah kewujudan-Nya tidak ada permulaan dan tidak ada akhir atau penghabisan. Wujud-Nya tidak pernah didahului oleh ketiadaan sebelumnya, Allah Maha Kekal dan tidak ada puncak keakhiran-Nya<sup>31</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa oleh sebab itu, maka Allah S.W.T. itu adalah Maha Azali, yakni telah ada sejak zaman azali iaitu zainan sebelum adanya sesuatu apapun selain dari Dia sendiri, juga Dia adalah Maha Abadi yakni kekal untuk selama-lamanya. Allah tidak pernah didahului oleh ketiadaan sebelumnya dan tidak pernah dihinggapi oleh kerusakan atau kebinasaan, sebab Allah itu memang wajibul wujud, yakni wajib adaNya. Dalam hal ini, Allah berfirman yang ertiinya :

*"Dia (Allah) adalah Maha Pertama, Maha Terakhir, Maha Terang dan Maha Tersembunyi dan Dia adalah Maha Mengetahui segala sesuatu"*.<sup>32</sup>

Dalam kaitan dengan sifat ini, Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan bahawa sebagai lawan sifat qidam ini adalah mustahil bagi Allah bersifat dengan baharu (huduth), kerana sekiranya Allah itu baharu sudah tentu Allah memerlukan atau berhajat kepada yang membaharukanNya, dan ini tidak mungkin kerana proses

<sup>30</sup> Ibid., hlm.8.

<sup>31</sup> Ibid., hlm.9.

<sup>32</sup> Al-Qur'an, Surat al-Hadiid, ayat 3 (57 : 3).

kejadian itu harus melalui daurun ( berputar/berkeliling ) atau tasalsul ( berhubung-hubung yang tiada berkesudahan)<sup>33</sup>.

Sifat Allah yang ketiga pula menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah *baqa* (sifat salbiyah) yang ertiya kekal selama-lama ada Allah. Yang dimaksudkan dengan baqa ialah tidak ada kesudahan bagi wujud-Nya, atau dengan kata lain kewujudan-Nya tidak diputuskan oleh tidak ada. Inilah yang mendorong setengah pendapat yang mengatakan bahawa baqa itu adalah hal wajib bagi Allah S.W.T pada selama-lamanya<sup>34</sup>. Sifat kekal, abadi atau tidak berkesudahan adalah merupakan sifat yang mesti ada pada Tuhan. Lain halnya dengan makhluk yang mempunyai umur yang tertentu, ada permulaan dan ada pula penghabisannya. Jika Tuhan tidak ada permulaan (qadim), itu bererti bahawa tidak ada yang menjadikan Dia. Tuhan yang demikian itu tidak patut berkesudahan kerana berkesudahan itu ertiya binasa. Sesuatu yang binasa tentu ada yang membinasakannya<sup>35</sup>. Seandainya Tuhan boleh binasa tentu ada yang membinasakan Dia. Kalau ada yang boleh membinasakan Dia, tentulah Dia bukan Tuhan kerana tidak berkuasa menolak kebinasaan itu. Jadi nyatalah, bahawa Tuhan itu tidak berkesudahan yakni hidup selama-lamanya<sup>36</sup>

Dalam huraian selanjutnya, Syeikh Ahmad al-Patani menjelaskan bahawa sebagai lawan bagi sifat baqa ialah mustahil bagi Allah bersifat dengan sifat fana'

<sup>33</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani, **Faridah**, hlm. 7. ;lihat juga Nik Abdullah al-Jainbui, **Pati**, hlm. 11-12. ; dan penjelasan Haji Abdullah bin Haji Ibrahim al-Fathani dalam **Umdat**, hlm42-44.

<sup>34</sup> Ibid., hlm.8.

<sup>35</sup> Hamzah Ya'kub, **Filsafat Ketuhanan**. (Bandung : Al-Ma'rif, 1984), hlm. 168.

<sup>36</sup> Ibid.,hlm.169.

(binasa), kerana sekiranya Allah bersifat demikian, ini menunjukan bahawa Allah itu baharu. Sedangkan setiap yang baharu pasti akan binasa dan ini adalah tidak mungkin (mustahil) bagi Allah yang telah tetap (tsabit) baqa-Nya<sup>37</sup>.

Selanjutnya sifat Allah yang keempat menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah *sifat mukhalafatiuhu Ta'ala lil hanadis* ( sifat salbiyah), ertinya bersalahan Allah S.W.T. bagi segala yang baharu atau dengan kata lain tidak menyerupai Allah dengan segaia yang baharu walau sekecil apa sekalipun.. Allah S.W.T. tidak ada yang menyamai atau menyerupai-Nya. Ini menunjukkan bahawa semua makhluk yang ada tidak ada yang menyamai Allah walau sedikitpun, kerana segala yang baharu tidak sunyi daripada jauhar (beberapa zat) atau aradh (sifat yang melekat padanya), sedangkan Allah bukan jauhar dan bukan pula aradh. Dengan kata lain, Allah sekali-kali tidak menyerupai dengan segala sesuatu daripada makhluk<sup>38</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan lagi bahawa sekiranya kita diajukan dengan pertanyaan bahawa apakah hakikat Allah kalau bukan jirim dan bukan pula aradh ? Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa untuk menjawab pertanyaan ini, maka hendaklah kita menjawab bahawa tidak ada yang mengetahui hakikat Allah melainkan Allah juga. Allah itu tiada seperti umpama-Nya sesuatu dan Dialah yang Maha mendengar dan Maha melihat<sup>39</sup>.

Sebagai lawan sifat ini, Syeikh Ahmad al-Patani menjelaskan bahawa

---

<sup>37</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani, **Faridah**, hlm. 8. ; lihat juga penjelasan Nik Abdullah al-Jambui dalam **Pati**, hlm.12. ; dan huraian Haji Abdullah dalam **Umdat**, hlm.44-45.

<sup>38</sup> *Ibid.*, hlm.9.

<sup>39</sup> al-Quran, Surah as-Syura, maksud ayat 42

mustahil Allah S.W.T. menyerupai bagi sesuatu daripada segala makhluk-Nya. Selanjutnya Syeikh Ahmad al-Patani menjelaskan bahawa dalam konteks ini, kalangan mazhab ilmu kalam berbeza pendapat dalam menentukannya. Menurut mazhab salaf, mereka menyerahkan kehendaknya kepada Allah, manakala mazhab khalf pula menta'wilkannya. Contohnya seperti firman Allah yang ertinya “*Bermula Tuhan yang Rahim itu di atas Arasy-Nya tertinggi*”<sup>40</sup>

Berdasarkan ayat di atas, Syeikh Ahmad al-Patani menghuraikan bahawa menurut salaf, Allah itu berkedudukan tertinggi, sebagai tertinggi yang tiada kita mengetahui akan caranya (kaifiatnya). Maka kita hendaklah menyerahkan kehendak-Nya kepada Allah S.W.T.. Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan lagi bahawa sedangkan menurut khalf, yang dikehendaki dengan tertinggi itu adalah memerintah dan kekuasaan (mulk)<sup>41</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa adapun bukti (dalil) bersalahan Allah S.W.T. bagi sekalian yang baharu ialah sekiranya menyerupai Allah dengan yang baharu, maka adalah Dia baharu pula, dan ini tidak mungkin (mustahil) kerana telah tetap (tsabit) sedia-Nya dengan dalil tentang kesediaan-Nya itu. Maka tetaplah bersalahan-Nya bagi yang baharu, dan apabila tetap demikian itu mustahillah lawannya, iaitu menyerupai-Nya dengan yang baharu<sup>42</sup>. Dengan kata lain bahawa Allah S.W.T. itu tidak serupa dengan sesuatu apapun. Allah tidak menyamai segala

---

<sup>40</sup> Surah Thaha, ayat 5.

<sup>41</sup> Nik Abdullah al-Jambui, **Pati**, hlm. 14.

<sup>42</sup> Ibid., hlm.15.

yang merupakan makhluk-Nya dan tidak sesuatu makhlukpun yang menyamai Dia. Oleh sebab itu apa sahaja yang terlintas dalam fikiran dan bayangan kita, maka Allah pasti berbeza dengan itu<sup>43</sup>.

Beliau menambahkan lagi bahawa kalaupun terdapat adanya persamaan antara selain Allah S.W.T. dengan-Nya, maka itu hanyalah dalam sebahagian sifat dan semata-mata mengenai namanya sahaja, bukan sekali-kali dalam hakikat yang sebenarnya. Sifat mengetahui, hidup, kuasa, bijaksana dan kasih sayang yang ada di dalam zat Allah S.W.T. adalah jauh lebih sempurna dan telah mencapai puncak kesempurnaan<sup>44</sup>.

Manakala sifat Allah yang kelima menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah Allah bersifat dengan sifat *qiamuhu Ta'ala binafsih* (sifat salbiyah), ertinya berdiri Allah S.W.T. dengan sendiri-Nya. Ini bermaksud bahawa Allah tidak memerlukan sesiapapun untuk menolong-Nya dalam segala hal. Atau dengan kata lain Allah mampu berdiri sendiri tanpa berkehendak kepada zat yang membantu-Nya seperti menempati segala aradh pada segala zat. Dalam kaitan dengan sifat ini, ianya mempunyai dua makna iaitu pertama tidak berkehendak Allah kepada zat yang menumpang ia pada-Nya, seperti menumpang warna pada kain umpamanya. Kedua

---

<sup>43</sup> Sayid Sabiq , *Aqidah Islam*. Moh. Abdal Rathomy (terj.).( Bandung : Diponegoro,1991), hlm. 89.  
<sup>44</sup> Ibid., hlm.90.

tidak berkehendak kepada yang menjadikan-Nya, bahkan Allahlah yang menjadikan segala sesuatu<sup>45</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa Allah tidak memerlukan kepada yang menjadikan Dia, bahkan Dialah yang menjadikan segala perkara. Sebagai lawan dengan sifat ini bahawa mustahil Allah bersifat dengan berkehendak kepada zat atau kepada yang menjadikan Dia. Buktiya Allah bersifat dengan qiamuhu binafsih ialah sekiranya Allah tidak berdiri dengan sendiri, bahkan berkehendak Dia kepada zat, sudah tentu adalah Dia sifat dan keadaan-Nya sebagai sifat itu adalah mustahil, kerana jika ada Dia sifat sudah tentu tidak bersifat dengan sifat ma'ni dan ma'nawiyah<sup>46</sup>. Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan lagi bahawa ini tidak mungkin kerana telah ada beberapa bukti yang menunjukkan bahawa Allah bersifat dengan sifat ma'ni dan ma'nawiyah, atau sekiranya berkehendak Allah kepada yang menjadikan Dia, sudah tentu Allah itu bahanu, dan tidak mungkin (mustahil) kerana terdahulu telah membuktikan bahawa wajib qidam bagi Allah. Maka tetaplah (thabitlah) berdiri-Nya dengan sendiri-Nya dan mustahil berkehendak Allah kepada zat atau kepada yang menjadikan Dia<sup>47</sup>.

Sifat Allah yang keenam pula menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah *wahdaniyah* (sifat salbiyah), ertiinya keesaan Allah Ta'ala pada zat, sifat dan af'al

<sup>45</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani, *Faridah*, hlm.8. ; lihat juga penjelasan Nik Abdullah dalam *Pati*, hlm. 14. ; dan begitu juga huraian Haji Abdullah dalam *Umdat*, hlm. 45-47.

<sup>46</sup> Ibid., hlm.48.

<sup>47</sup> Abu Hasan Ismail al-Asy'ari, *Prinsip-prinsip dasar Aliran Theologi Islam*. H.A.Nasir Yusuf et al (terj). (Bandung : Pustaka Setia, 1998),Hlm.239.

(perbuatan). Allah S.W.T. adalah Maha Esa, baik dalam zat, sifat serta af' al-Nya. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa Esa dalam zat itu bermaksud bahawa zat Allah itu tidaklah tersusun dari beberapa bahagian yang terpotong-potong dan bahawa Allah Ta'ala itu tidak ada sekutu bagi-Nya dalam memerintah dan menguasai kerajaan-Nya<sup>48</sup>.

Manakala Esa dalam sifat-sifat-Nya itu menurut Syeikh Ahmad al-Patani maksudnya ialah tidak ada sesuatu ataupun seseorang yang sifatnya menyerupai sifat-sifat Allah Ta'ala. Dan terakhir Esa af'al-Nya atau perbuatan-Nya itu menurut Syeikh Ahmad al-Patani maksudnya ialah bahawa tidak seorangpun yang selain Allah Ta'ala itu yang mempunyai perbuatan sebagaimana yang dilakukan oleh-Nya. Maka Allah Ta'ala itu adalah Maha pencipta segala sesuatu, pembuat untuk pertama kalinya segala yang maujud. Dengan demikian, Allah S.W.T. adalah Maha Esa dan menyendiri dalam hal mencipta, membuat, mewujud dan membentuk

Beliau menambahkan lagi bahawa ini bermakna Allah S.W.T. itu tiada zat-Nya yang bersusun daripada dua atau lebih zat. Sebenarnya Allah tiada yang menduakan bagi-Nya pada zat-Nya, maka tiadalah Allah itu berbilang-bilang dan ini memang bersalahan dengan segala makhluk kerana ia tersusun daripada beberapa zat, iaitu segala juzuknya (bahagiannya). Menurut huraian Syeikh Ahmad al-Patani, sifat yang bersusun ini dinamakan dengan istilah "kam muttashil" pada zat. Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak ada yang menduakan-Nya pada zat-Nya kerana

<sup>48</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridah**, hlm. 16.

<sup>49</sup> Nik Abdullah. Pati, hlm.15.

tindakan demikian menjadikan Allah itu berbilang yang mana berbilang itu dinamakannya dengan “kam munfashil” pada zat. Dua “kam” ini adalah ternafi ia dengan wahdaniyah pada zat<sup>50</sup>. Allah juga tidak ada bagi-Nya dua sifat atau lebih daripada jenis yang sama, seperti dua atau lebih sifat qudrat dan iradat. Cara ini dinamakan “kam muttashil” pada sifat dan sesungguhnya tidak ada bagi Allah satu sifat yang serupa diantara sifat-sifat-Nya. Tindakan menyamakan atau menyerupakan antara satu sifat dengan sifat-sifat-Nya yang lain ini dinamakan “kam munfashil” pada sifat. Dua kam ini ternafi keduanya dengan wahdaniyah pada sifat<sup>51</sup>.

Demikian juga bahawa Allah S.W.T. tidak ada bagi-Nya sekutu yang lain dalam perbuatan-Nya. Perbuatan bersekutu ini dinamakan dengan “kam muttashil” pada af'al. Sesungguhnya bagi Allah tidak ada bagi-Nya perbuatan yang lain (sekutu) untuk mengadakan sesuatu dan bersekutu ini dinamakan “kam muttashil pada af'al”<sup>52</sup>.

Sifat Allah yang ketujuh menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah *qudrat* (sifat ma'ani), ertiya kuasa, iaitu sifat yang wujudiyah lagi sedia yang berdiri pada zat Allah Ta'ala yang dapat dengannya mengadakan tiap-tiap mungkin dan meniadakan dia atas muafakat iradat. Baginya ada tujuh ta'luk (bidang tugas) dan erti ta'luk itu menuntut sifat terhadap pekerjaan yang lebih atas berdirinya dengan zat dan tiada ta'luk melainkan bagi sifat-sifat ma'ni juga, dan tiada wajib atas tiap-tiap mukallaf

<sup>50</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Faridat*. Hlm. 37.

<sup>51</sup> Ibid., hlm. 9. ; lihat juga penjelasan Nik Abdullah dalam *Pati*, hlm. 16-17. ; dan buraian Haji Abdullah dalam *Umdat*, hlm. 53-56.

<sup>52</sup> Ibid., hlm. 10.

mengetahuikan beberapa ta'luq ini kerana ia daripada perbincangan yang dalam tentang ilmu ini<sup>53</sup>. Salah satu daripada tujuh ta'luq itu ialah ta'aluq shuluhi qadim, iaitu patut qudrat pada azal bagi mengadakan dan meniadakan dengan dia pada waktu imkan (belum ada apa-apa) dan tiga daripadanya beberapa ta'aluq tanjizi hadith (baharu) dan makna tanjizi itu meluluskan kerana diluluskan dengan qudrat itu akan barang yang ditentukan dengan iradat pada azal dan yang tiga itu ta'aluqnya dengan mengadakan mungkin kemudian daripada 'adam (tidak ada) yang dahuiu<sup>54</sup>.

Tiga ta'aluq daripada yang tujuh itu pula beberapa ta'aluq qabdah, dan makna qabdah itu adalah genggam. Adapun yang dikehendaki dengan genggam disini ialah bahawasanya mumkin itu di dalam genggam kehendak Allah Ta'ala. Oleh sebab itu, terserahlah kepada Allah sama ada hendak mengekalkan keadaan 'adam (tidak ada) atau ada (wujud), ataupun menggantikannya dengan lawannya<sup>55</sup>.

Dalam hal ini, Syeikh Ahmad al-Patani menyebut bahawa sebagai lawan sifat qudrat ialah mustahil Allah itu lemah, dengan dalilnya bahawa sekiranya Allah itu lemah nescaya tiada dapat mewujudkan sesuatu daripada makhluk ini dan dengan demikian adalah batil dengan musyahadah. Oleh yang demikian, maka tetaplah (tsabitlah) qudrat-Nya ta'ala, dan apabila tetap qudrat-Nya, mustahillah lemah-Nya.<sup>56</sup>

Allah ta'ala itu adalah Maha Kuasa, tidak lemah sedikitpun untuk melakukan

<sup>53</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani, **Faridah**, hlm. 10. ; lihat juga huraian Nik Abdullah dalam **Pati**, hlm. 18. ; dan bandingkan dengan penjelasan Haji Abdullah dalam **Umdat**, hlm. 57-60.

<sup>54</sup> Ibid., hlm. 11.

<sup>55</sup> Nik Abdullah, **Pati**, hlm. 19.

<sup>56</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Faridat**, hlm. 38-41.

sesuatu . Apa yang nampak di alam semesta ini, tidak lain hanyalah sebagai penjelmaan dari sifat kuasa dan agung-Nya Allah ta'ala. Adapun kekuasaan Allah ta'ala itu dapat berlaku dalam segala waktu yakni untuk mewujudkan semua yang mungkin atau melenyapkannya. Dengan cara pemikiran yang sederhana sahaja mengenai keadaan langit, bumi, malam, siang, hidup, mati, dan segala apa yang terjadi dalam setiap detik, semuanya itu cukup dijadikan sebagai petunjuk untuk mengetahui kekuasaan atau kemahakuasaan Allah Ta'ala yang sudah sangat jelas itu.<sup>57</sup>

Kekuasaan yang ada pada Tuhan adalah kekuasaan mutlak, lain dengan kekuasaan yang ada pada manusia, iaitu kekuasaannya ada permulaan dan ada penghabisannya serta ada pula batasnya, atau dengan kata lain kekuasaan yang ada pada manusia adalah kekuasaan pemberian Tuhan yang bersifat sementara dan terbatas<sup>58</sup>. Sifat kemahakuasaan Tuhan ini adalah wajib dan merupakan kimestian bagi-Nya. Dengan kata lain, bahawa sesuatu zat tidak dapat dinamakan Tuhan jika tidak maha kuasa, kerana tidak maha kuasa itu bererti lemah, sedangkan yang lemah itu bukan Tuhan.

Demikianlah, semakin dalam renungan manusia tentang ciptaan dan penjagaan Tuhan, semakin ta'jub akan kekuasaan Tuhan. Dari sekian banyak makhluk yang kita lihat atau kita rasakan dengan pancaindera, jelas di sana tergambar kekuasaan Tuhan.

---

<sup>57</sup> Sayid Sabiq, *Aqidah*, hlm.104 ; lihat juga Hamzah Ya'kub, *Filsafat*, hlm.168.

<sup>58</sup> Ibid., hlm.168.

Seterusnya Syeikh Ahmad al-Patani menyebut bahawa sifat Allah yang kelapan ialah *iradat* (sifat ma'ani), ertinya kehendak. Makna kehendak disini ialah bahawasanya berlaku tiap-tiap sesuatu itu dengan perintah dan sengaja oleh Allah Ta'ala. Bukanlah makna kehendak itu berhajat, kerana berhajat itu mustahil atas Allah Ta'ala. Iradat ialah sifat yang wujudiyah lagi sedia berdiri pada zat Allah Ta'ala yang dengan sifat ini menentukan Allah akan mumkin dengan setengah barang yang harus atas mumkin itu, seperti ditentukan ia dengan wujud, putih, hitam, panjang, pendek dan sebagainya<sup>59</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan bahawa adapun ta'aluq (bidang kuasa/tugas) iradat itu dengan tiap-tiap mumkin sama seperti qudrat. Cuma ta'aluq qudrat itu ta'alluq mengada dan meniadakan, sedang ta'alluq iradat itu ta'alluq menentukan. Oleh itu, bagi ta'alluq iradat tidak ada yang wajib dan mustahil, yang ada atau yang melengkapi mumkin itu adalah yang baik dan yang jahat. Menurut beliau bahawa bersalahan bagi Mu'tazilah yang mengatakan bahawa iradat Allah Ta'ala itu tiada ta'aluq dengan segala yang jahat dan yang keji<sup>60</sup>.

Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa wajiblah atas kita beradab kepada Allah Ta'ala bahawa tiada kita maksudkan terhadap segala kejahatan dan kekejilan itu kepada Allah Ta'ala kecuali pada kedudukan mengajar. Tiada harus bagi seseorang berhujah bahawa tiap-tiap kejahatan itu dengan kehendak Allah Ta'ala dan

<sup>59</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani., **Faridah.**, hlm. 10-11, ;lihat juga Nik Abdullah, **Pati.**, hlm. 20.; dan penjelasan lebih lanjut oleh Haji Abdullah dalam **Umdat**, hlm.61-68.

<sup>60</sup> Abu Hasan Ismail al-Asy'ari, **Prinsip-prinsip Dasar**. Hlm.229.

qadarnya dahulu daripada jatuh di dalam maksiat supaya jadi jalan bagi mengerakan maksiat itu. Menurut Syeikh Ahmad al-Fatani bahawa yang banyak berpegang dengan hujah yang keji ini terdiri daripada raja dan orang-orang besar ketika hendak melakukan kezaliman dan berzina kerana mereka menyangka bahawa mereka akan terlepas daripada murka dan perhatian Allah Ta'ala. Maka tindakan menghalalkan kezaliman dan penzinaan inilah akhirnya membuat mereka jadi kufur<sup>61</sup>.

Syeikh Ahmad al-Patani menambahkan lagi bahawa begitu juga tidak harus berpegang dengan hujah ini kemudian atau selepas daripada melakukan kejahanan jika niat hendak lari daripada had (hukuman orang Islam) atau ta'zir (hukuman bagi bukan Islam) dengan sebab dosa itu. Adapun jika niat hendak mencegah cerca orang atasnya maka harus baginya berhujah dengan demikian itu, iaitu dengan tiap-tiap kejahanan itu dengan kehendak Allah dan qadar-Nya<sup>62</sup>.

Seterusnya beliau menambahkan bahawa tiadalah harus bagi seseorang itu redha dengan maksiat sekalipun ia dikehendaki oleh Allah kerana sesungguhnya redha dengan maksiat itu maksiatlah pula, dan telah maklum bahawa maksiat dan kejahanan itu dikehendaki oleh Allah, maka wajib kita redha apabila telah jatuh ke atas diri kita, kerana redha akan hukuman Allah itu wajib, tetapi dengan catatan mesti bertaubat<sup>63</sup>.

---

<sup>61</sup> Haji Abdullah, **Umdat**, Hlm.69.

<sup>62</sup> Abu Hasan Ismail al-Asy'ari, **Prinsip-prinsip Dasar** hlm.228.

<sup>63</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridatul**, hlm. 11-12, ; lihat juga huraian Nik Abdullah, Pati, hlm. 22-25, ; dan penjelasan Haji Abdullah, **Umdat**, hlm. 61-68.

Adapun sifat Allah yang kesembilan menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah *ilmu* (sifat ma’ani), ertinya mengetahui dengan pengetahuan Allah, iaitu sifat yang sedia adanya zat Allah yang nyata dan terang dengannya sekalian perkara. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu dan memang apa sahaja yang maujud sebagai makhlukNya ini diliputi oleh pengetahuanNya, baik sesuatu yang telah, sedang ataupun yang akan terjadi<sup>64</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa mengetahuinya Allah itu tidak pernah didahului oleh ketidaktahuan (kebodohan). Allah juga tidak pernah diliinggapi oleh kelupaan dan bahkan mengetahui-Nya itu tidak dibatasi dengan masa atau tempat. Sebenarnya apa yang nampak di dalam alam semesta ini yang demikian rapi susunannya, indah tatatertibnya, kukuh perbuatannya dan elok serta sedap dipandangnya, semuanya itu tidak lain hanyalah sebagai bukti-bukti yang terang, jelas dan betapa agung kemahapengetahuannya Allah serta betapa besar kebijaksanaan-Nya.

Dalam hal ini, beliau menambahkan bahawa bagi ilmu satu ta’luq sahaja ialah Ta’luq Tanjizi Qadim iaitu Allah tahu pada azali akan segala perkara hingga tidak ada kesudahan baginya, seperti kamalat (kesempurnaan) Allah, ahli surga dan lain-lain. Mustahil lawannya iaitu jahil atau tidak ada pengetahuan. Dan ujarnya lagi, oleh yang demikian sekiranya Allah jahil nescaya tidak menghendaki dan iaitu mustahil kerana telah tetap ada menghendaki Allah dengan dalil yang jelas, maka

---

<sup>64</sup> Syeikh Ahmad al-Patani , **Faridatul Faraid**. (Singapura : al-Ahmadiyah Press, 1922), hlm.12.

setiap ada ilmu Allah dan manakala Allah ada ilmu, mustahil jahilnya atau tidak ada pengetahuan.<sup>65</sup>

Dalam urutan seterusnya, Syeikh Ahmad al-Patani meletakkan sifat Allah yang kesepuluh ialah *hayat* (sifat ma'ani), ertiinya hidup, iaitu sifat yang sedia adanya pada zat Allah yang mengesah dan membenarkan akal kita bahawa dengan hidup ini boleh ada bersifat dengan sifat ilmu dan sifat-sifat lain. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa yang dimaksudkan dengan hidup disini tidaklah hidup Allah dengan nyawa walau nyawa yang qadim sekalipun. Sifat hidup tidak ta'lūq dengan sesuatu kerana hidup ini bukan sifat yang memberi bekas dengan mengada dan mentiadakan. Begitu juga bukan sifat membuka seperti ilmu, *sami'*, bashar dan bukan juga sifat penunjuk seperti kalam dan mustahil lawannya iaitu Allah mati.<sup>66</sup>

Baik dalam *Faridat al-Fara'id*, *Uqd al-Juman* mahupun *Bahjat al-Mubtadin* ataupun kitab-kitabnya yang lain, Syeikh Ahmad al-Patani menyebut bahawa sifat Allah yang kesebelas ialah *sami'* ( sifat ma'ani), yang ertiinya mendengar Allah, iaitu sifat yang sedia adanya pada zat Allah yang dengannya mendengar segala perkara yang terang dan tersembunyi baik berupa zat, warna, bersuara, tidak bersuara dan lain-lain. Menurut penjelasannya lagi bahawa bagi *sami'*, ta'lūqnya adalah ta'lūq inkisyaf yang ertiinya terbuka, terang dan nyata seakan-akan tahu dengan ilmu.Ujarnya lagi, ini bermakna bahawa Allah sedia mendengar dan nyata serta

---

<sup>65</sup> Haji Nik Abdullah, *Pati*, hlm.26.

<sup>66</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Uqdatul Juman Fi Aqa'idu al-Iman*.( Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah,1999), hlm.6.

terang dengan sifat pendengar-Nya akan segala perkara yang sedia ada, sama ada yang baharu adanya, bersuara dan tidak bersuara, seperti zat sesuatu warna, panas, sejuk dan lain-lain, maka semuanya Allah mendengar dengan terang dan nyata dengan sifat pendengar-Nya dan tidaklah mendengar Allah dengan telinga dan mustahil lawannya tuli.<sup>67</sup>

Seterusnya Syeikh Ahmad al-Patani menjelaskan bahawa sifat Allah yang keduabelas ialah *basar* (sifat ma'ani) yang ertiya melihat Allah, iaitu sifat yang sedia adanya pada zat Allah. Menurut Syeikh Ahmad, sifat sami' dan basar adalah dua sifat yang qadimah, yang berdiri keduanya pada zat Allah. Ta'alluq keduanya dengan ta'alluq inkisyaf (terbuka, ternyata) seperti ta'aaluq ilmu. Wajib atas kita i'tiqad bahawa inkisyaf yang hasil dengan sami' lain dengan inkisyaf yang hasil dengan basar. Begitu juga inkisyaf yang hasil dengan tiap-tiap daripada keduanya lain daripada inkisyaf yang hasil dengan ilmu. Tiap-tiap daripada inkisyaf yang tiga itu hakikatnya diserahkan pengetahuannya kepada Allah<sup>68</sup>.

Beliau menambahkan bahawa bagi sami' dan basar ada tiga ta'alluq iaitu tanjizi qadim ( ta'alluq keduanya dengan zat Allah Ta'ala dan sifat-Nya), shuluhi qadim ( ta'alluq keduanya dengan kita dahulu daripada ada kita) dan tanjizi hadith (ta'alluq keduanya dengan kita, kemudian daripada ada kita)<sup>69</sup>. Mustahil bagi Allah tuli dan buta. Dalil bagi sami' dan basar firman Allah yang ertiya, “*Dan Diaalah*

<sup>67</sup> Ibid., hlm. 6.

<sup>68</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah , **Faridatul Faraid Syeikh Ahmad al-Fathani.**( Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm. 48.

<sup>69</sup> Ibid., hlm.49.

*yang amat mendengar dan amat melihat*”<sup>70</sup>.

Ahkirnya Syeikh Ahmad al-Patani meletakkan sebagai sifat yang terakhir daripada tiga belas ialah sifat *kalam*, yang ertiya berkata-kata Allah, iaitu sifat yang qadimah atau yang sedia adanya pada zat Allah untuk menunjukkan ia atas sekalian yang wajib, harus (jaiz) dan mustahil. Ujar beliau bahawa berkata-kata Allah itu bukan daripada jenis huruf,suara, perkataan dan juga tidak terdahulu dan terkemudian. Mustahil lawannya bisu, berhuruf, bersuara dan seumpamanya.<sup>71</sup>

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani, inilah tiga belas sifat serta segala lawan dan dalilnya yang wajib kita mengetahuinya secara terperinci (tafshil) menurut pendapat (qau!) yang rajih (sahih), iaitu qaul Imam al-Asy’ari. Beliau menjelaskan bahawa pendapat ini berbeza dengan pendapat Qadhi<sup>72</sup> dan Imam al-Haramain, walaupun kedua-duanya adalah pengikut Imam al-Asy’ari. Menurut mereka, bahawa segala sifat yang wajib diketahui atas jalan tafshil itu dua puluh sifat, iaitu dengan ditambahkan sifat ma’naviyah yang tujuh itu<sup>73</sup>. Sifat dua puluh inilah yang terkenal sekarang, terutama melalui Syeikh Sanusi di dalam kitab akidahnya *Matru Ummil Barahin*.<sup>74</sup>

Dalam huraian selanjutnya, Syeikh Ahmad al-Patani telah mengklasifikasi sifat-sifat ini kepada beberapa kategori, seperti sifat yang pertama daripada tiga belas

<sup>70</sup> al-Quran, Surah Al-Maidah : maksud ayat 75.

<sup>71</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Faridatul*., hlm. 50.

<sup>72</sup> Nama penuhnya ialah Abu Thayyah Bakar Muhammad bin al-Baqilani al-Makki.

<sup>73</sup> Tujuh sifat ma’naviyah ialah kaunuhi qadiran, kaunuhi muridan, kaunuhi aliman, kaunuhi hayan, kaunuhi sami’ an, kaunuhi basiran dan kaunuhi mutakaliman.

<sup>74</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Faridah*., hlm.52.

sifat ini (iaitu sifat wujud) dinamakan sifat nafsiyah, iaitu nisbah kepada nafsum dengan makna zat kerana tiada melazim ia melainkan akan zat. Lima kemudian daripadanya dinamakan “sifat salbiyah” yang mempunyai maksud nafi, kerana tiap-tiap satu daripadanya menafikan kekurangan Allah Ta’ala. Kemudian tujuh sifat berikutnya dinamakan “sifat ma’ani”, kerana ia mempunyai beberapa makna yang berdiri dengan zat Allah Ta’ala.<sup>75</sup>

Selain sifat-sifat Allah, juga yang menjadi pembahasan dalam ilmu tauhid ialah tentang sifat-sifat yang wajib bagi para rasul seperti sidiq (benar dalam sekalian perkataan mereka), amanah (kepercayaan), tabligh (menyampaikan) dan fathanah (cerdik). Begitu juga dengan jumlah rasul-rasul dan nabi-nabi, para malaikat dan kitab-kitab Allah yang wajib beriman.

**Syeikh Ahmad al-Patani Dan Kupasan Isu-isu Semasa Dalam Ilmu Kalam**  
Berdasarkan karya-karya beliau, terutama kitab **Faridah Fara’id dan Fatawa al-Fathaniyah**, Syeikh Ahmad al-Patani telah mendedahkan tentang isu-isu semasa aqidah yang pernah berlaku penyelewengan atau kesalahfahaman pada segelintir orang Islam daripada pegangan Ahl al- Sunnah wa al-Jamaah.

Di antaranya ialah tentang maksud mengenal Allah. Dalam masalah ini, beliau membuat satu ta’rif yang tepat iaitu yang dimaksudkan dengan mengenal Allah Ta’ala itu ialah mengenal dan memahami hukum segala sifat Allah, hukum-

---

<sup>75</sup> Ibid, Ilim.51.

hukum ketuhanan-Nya, termasuk mengetahui perkara-perkara yang membawa kepada perkenalan yang tersebut, termasuk perkara yang berkaitan dengan para rasul dan perkara-perkara yang dibawa oleh mereka. Ini berarti bahawa kita boleh mengenal Allah Ta'ala itu melalui pengenalan sifat-sifat Allah Ta'ala, pengenalan hukum ketuhanan dan juga pengenalan perkara yang berkaitan dengan para rasul alaihim shalatu wassalam. Menurut Syeikh Ahmad bahawa bukanlah pengertian sebenar mengenal Allah itu mengetahui hakikat zat-Nya, kerana tiada dapat diketahui oleh sesiapapun akan hakikat zat yang qadim itu<sup>76</sup>.

Begitu juga dengan kejahatan atau maksiat yang akan dilakukan. Menurut Syeikh Ahmad bahawa tidak harus bagi seseorang itu menisbahkan atau mengaitkan kepada Allah Ta'ala akan kejahatan atau maksiat yang belum dilakukan. Beliau menambahkan bahawa kita tidak harus berhujah dengan alasan bahawa setiap kejahatan itu adalah dengan kehendak Allah dan qudrat-Nya, walaupun pada hakikatnya maksiat itu dengan kehendak Allah dan Allahlah sebagai penentunya. Pernyataan ini dikecualikan pada majlis penyampaian ilmu. Larangan ini berdasarkan bahawa wajib keatas hamba menjaga adab terhadap Tuhan dan untuk menutup jalan berlakunya maksiat dengan berleluasa<sup>77</sup>. Dan tidak harus juga berpegang dengan hujah tersebut sekalipun maksiat itu telah berlaku. Ini jika ia

<sup>76</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridatul**, hlm.5 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, "Penghayatan Ilmu Usuluddin, fiqh dan Tasawuf : Berdasarkan Tulisan-tulisan Syeikh Ahmad", (Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, pada 11-12 September 2002 di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, anjuran Pusat Pembangunan Pondok Berhad dan Dewan Bahasa dan pustaka), hlm.9.

<sup>77</sup> Ibid., hlm. 11.

berniat hendak lari daripada hukuman (had) atau ta'zir dengan sebab maksiat itu, tetapi kalau ia bermuat untuk menolak kata atau maki hamun orang lain terhadapnya, maka ketika itu harus ia berhujah dengan yang tersebut itu<sup>78</sup>.

Dalam hal ini, beliau mengambil contoh bahawa terdapat dari kalangan sesetengah pemimpin atau penibesar yang zalim atau dari kalangan sesetengah orang yang hendak membuat maksiat berpegang dengan hujah yang palsu ini, dimana mereka berkata, "apa boleh buat sudah takdir Allah Ta'ala kamu akan dibunuh", atau katanya " apa boleh buat sudah takdir Allah Ta'ala aku akan berzina umapamanya"<sup>79</sup>. Beliau menambahkan bahawa sebenarnya kita tidak harus redha dengan maksiat jika dilihat bahawa maksiat itu adalah perkara yang dilarang oleh Allah Ta'ala, walaupun maksiat itu adalah dengan kehendak Allah, kerana redha dengan maksiat itu, jadi maksiat pula. Tetapi sebaliknya wajib redha dengan maksiat jika dilihat keadaan maksiat itu dengan kehendak Allah Ta'ala, kerana perbuatan seperti itu adalah redha dengan hukum Allah Ta'ala<sup>80</sup>.

Berikutnya beliau menambahkan lagi bahawa dua perkara yang penting yang perlu diawasi oleh setiap individu muslim untuk keselamatan akidah mereka. Pertama yang dikatakan sifat maknawiah itu ialah kaunuhu qadiran, kaunuhu muridan dan kaunuhu mutakaliman, bukannya qadiru, muridu dan mutakalimu sahaja tanpa adanya perkataan "kaunuhu" kerana keadaaNya yang berkuasa

---

<sup>78</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan**, hlm.10.

<sup>79</sup> Ibid., hlm. 11.

<sup>80</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridah**, hlm.11.

(kaunuhu qadiran) keadaanNya yang berkehendak (kaunuhu muridan) hingga keadaanNya yang berkata-kata itu ialah beberapa kelakuan (ahwal) yang kedudukannya diantara majud dan ma'dum menurut satu pendapat atau dikatakan "al-umur al-I'tibariah", iaitu perkara-perkara yang dikira pada hati sahaja, tidak di luar hati. Menurut pendapat yang mi'tabar, kelakuan-kelakuan (ahwal) atau perkara-perkara (al-umur al-i'tibariah) yang tersebut itulah yang dikatakan sifat-sifat maknawiah<sup>81</sup>.

Apabila makna-makna seperti qadiru, muridu dan mutakalimu tanpa perkataan kaunuhu bukannya sifat, maka tidak sahlah dikatakan ianya sifat zat, yang seterusnya tidak boleh dikatakan Allah itu bersifat dengan zat yang banyak, sedangkan kalau Allah itu bersifat dengan satu zat pun tidak sah, kerana kaedahnya satu tidak boleh berdiri pada satu zat yang lain, bagimana pula keadaannya zat yang banyak boleh berdiri pada pada satu zat sahaja. Oleh itu, yang sebenarnya, yang berdiri dengan zat itu ialah ihwal (kelakuan-kelakuan) atau al-umur al-I'tibariah (perkara-perkara yang dii'tibar dengan hati), dan itulah yang sebenarnya dikatakan sifat atau sifat-sifat maknawiah<sup>82</sup>.

Seperti mana yang kita semua maklum bahawa Allah itu ialah zat yang bersifat dengan sifat-sifat kamalat (kesempurnaan), maka diantara sifat-sifat kamalat ialah sifat-sifat maknawiah. Oleh itu, Syeikh Ahmad mengingatkan bahawa barang siapa beri'tiqad qadiru, muridu dan mutakalimu itu sifat, maka i'tiqad yang seperti

<sup>81</sup> Ibid., hlm.15 ; lihat juga penjelasan Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan Ilmu**, hlm.10.

<sup>82</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridah**, hlm.16.

itu adalah sebesar-besarnya kesalahan dalam akidah Islamiah. Ini kerana mereka tidak mengetahui perbezaan antara sifat yang bersifat dengan sifat, serta jahil pula dengan hukum zat, iaitu ketiadaan berdirinya dengan zat yang lain.

Beliau mengingatkan lagi agar jangan terpedaya ataupun tertipu seandainya terdapat dalam kitab-kitab Jawi atau Arab yang mengatakan qadiru, muridu dan mutakalimu tanpa ada perkataan kaunuhu itu sifat, kerana ianya merupakan satu tasamih (bertolak ansur) yang amat keji dan ibarat yang jahat<sup>83</sup>. Syeikh Ahmad menambahkan lagi bahawa perkara ini perlu diawasi, kerana banyak berlakunya dalam kitab-kitab jawi yang berhubung dengan akidah dan juga pada lidah guru yang mengajar dan para pelajar juga.

Manakala yang kedua perkara yang perlu diawasi menurut Syeikh Ahmad ialah seseorang tidak boleh mengatakan bahawa “iftiqar kuntu ma adahu ilaihi” (افتقار كل ما عداه اليه) sebagai sifat Allah ketika membahagikan aqa’idu al-iman (sifat-sifat yang wajib bagi Allah) itu kepada dua bahagian, iaitu 11 sifat dibawah istighna’ (kaya Allah daripada yang lain) dan 9 sifat dibawah iftiqar. Ini kerana berkehendak barang yang lain kepadaNya (Allah) itu aradh (sifat baru) bagi barang lain, dan barang yang lain itu baru, dan aradhnya baru pula, sedangkan Allah Ta’ala qadim, dan yang qadim sekali-kali tidak bersifat dengan yang baru. Seandainya ia (qadim) itu bersifat dengan yang baru nescaya jadilah ia (qadim) itu baru, kerana sesuatu tersusun daripada dua perkara yang satunya baru dan satu lagi qadim, sudah

---

<sup>83</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, *Penghayatan*, hlm. 11.

tentu jadi barulah ia (sesuatu) itu, maka dengan itu jadi baru Allah Ta'ala, dan baru Allah Ta'ala itu mustahil<sup>84</sup>.

Seterusnya tidak sah i'tiqad bahawa istiqar itu sifat Allah Ta'ala tanpa disebut kulla ma adahu, kerana makna itu berkehendak sedangkan Allah Ta'ala itu mustahil berkehendak kepada yang lain, ini disebabkan adalah diantara sifat-sifat kamalat (kesempurnaan) Allah Ta'ala itu ialah, *istighna'*. Yang menjadi lawan *istighna'* itu ialah iftiqar. Oleh itu, bagaimana dikatakan sah bahawa iftiqar yang menjadi lawan bagi sifat *istighna'* itu sifat Allah Ta'ala<sup>85</sup>.

Syeikh Ahmad ada menyebut tentang faedah berucap "la ilaha illallah dan Muhammad Rasulullah" di mana faedah menyebut la ilaha illailah dari sudut akidah ialah iqrar (pengakuan) zahir batin serta menafikan (menolak) ketuhanan selain daripada Allah Ta'ala dan menetapkan ketuhanan hanya kepada Allah Ta'ala sahaja. Manakala faedah menyebut Muhammad Rasulullah juga dari sudut akidah ialah iqrar (pengakuan) dengan risalah (kerasulan) Nabi Muhammad S.A.W., termasuk iqrar dengan apa yang dibawa oleh baginda daripada Allah Ta'ala dan empat sifat yang wajib dan yang harus baginya<sup>86</sup>.

Selain dari itu, Syeikh Ahmad juga mendedahkan tentang tujuan menafikan ketuhanan selain dari Allah Ta'ala menerusi kalimat "la ilaha illallah" walaupun pada hakikatnya Allah Ta'ala itu tidak termasuk pada azal (sediakala) kedalam

<sup>84</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridah**, hlm.20 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan Ilmu**, hlm. 11.

<sup>85</sup> Ibid., hlm.20.

<sup>86</sup> Ibid., hlm.19.

jumlah “ilaha” (tuhan-tuhan). Yang dinafikan itu iaitu menolak tuhan yang disembah dengan sebenar yang lain daripada Allah Ta’ala dan menolak andaian terlintas di hati orang mukmin akan banyak tuhan yang disembah dengan sebenarnya.

Oleh itu, maka wajib ke atas yang berucap dengan “la ilaha illallah” ini melahzahkan (pandangan hatinya) bahawa Allah Ta’ala itu tiada dinafikan daripada mulanya, iaitu tiada termasuk Allah Ta’ala itu ke dalam jumlah tuhan-tuhan yang dinafikan ( ditolakkan) itu, samada sebelum dinafikan atau waktu menafikan. Ini kerana jika seseorang itu berniat waktu berucap dengan “la ilaha illallah” bahawa Allah Ta’ala itu termasuk di dalam jumlah tuhan-tuhan yang dinafikan itu nescaya jadi kafir. Maka kalimah “illallah” itu adalah berniat akan bahawa Allah itu tidak termasuk di dalam jumlah tuhan yang dinafikan itu<sup>87</sup>.

Dan seterusnya beliau telah mengutarakan bahawa setiap orang yang mentauhidkan Allah Ta’ala dengan “la ilaha illallah” ( لا إله إلا الله ) hendaklah ia ingat bahawa mesti diiringi dengan “Muhammad Rasulullah ( ﷺ )” dan jika tidak berbuat demikian, maka tauhidnya itu menyamai dengan tauhid umpama Yahudi dan sebagainya, kerana Yahudi dan lainnya masing-masing mentauhidkan Allah, tetapi mereka tidak mengaku Muhammad itu sebagai Rasulullah<sup>88</sup>.

---

<sup>87</sup> Sycikh Ahmad al-Patani, *Faridah*, hlm.19-21.

<sup>88</sup> Ibid, hlm.19-21 ; lihat juga Wan Mohd Shaghir, *Faridatul*, hlm.66-72 ;dan huraian Wan Ismail Wan Ibrahim dalam *Penghayatan Ilmu*, hlm.12-13.

Dihuraikan lagi mengenai kedudukan “iradah” – suruh (perintah), redha dan ilmu berdasarkan kepada pegangan ahlu sunnah wa al-jamaah, iaitu Allah menghendakkan, menyuruh dan redha dengan sesuatu, seperti beriman syyidina Abu Bakar. Allah tiada menghendaki, tiada menyuruh dan tiada redha dengan sesuatu seperti kufurnya seseorang. Aliah menghendaki tetapi tidak menyuruh dan tidak redha dengan sesuatu seperti kufurnya Fir'un. Dan terakhir, Allah menyuruh dan redha, tetapi tidak dikehendakkan dengan sesuatu itu, seperti iman Fir'un<sup>89</sup>.

Kemudian diceritakan kisah berkenaan kontlik yang telah berlaku antara Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah dan Mu'tazilah berhubung dengan antara lain tentang berbuat baik dan lebih baik (fa'lu al-shalah wa al-ashlah) apakah wajib ke atas Allah atau tidak?. Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berpegang bahawa “berbuat baik dan lebih baik” itu harus bagi Allah Ta’ala, tidak wajib, tetapi Mu’tazilah berpendapat bahawa “berbuat baik dan lebih baik” itu wajib ke atas Allah, bukan harus<sup>90</sup>.

Selain itu adalah berkenaan dengan melihat Allah Ta’ala di akhirat, di mana ahli al-Sunnah wa al-Jamaah memutuskan bahawa harus bagi Allah Ta’ala memberi lihat kepada hamba-Nya yang mukmin akan zat-Nya Yang Maha Mulia di akhirat nanti, tetapi tidak berlaku demikian (melihat Allah Ta’ala) dalam keadaan jaga (bukan mimpi) di dunia ini, kecuali nabi kita Muhammad S.A.W. pada malam Isra’.

Oleh itu, sesiapa mengaku bahawa ia melihat Allah Ta’ala di dunia ini dalam

<sup>89</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Faridah**, hlm.10-12 ; lihat juga Wan Mohd Shaghir Abdullah, **Faridatul**, hlm.40-42; Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan Ilmu**, hlm.13.

<sup>90</sup> Ibid., hlm.13.

keadaan jaga, maka tidak ragu lagi bahawa ia menjadi kafir. Adapun melihat dalam tidur, maka telah sepakat ulama akan harus, hal ini berlainan pendapat Mu'tazilah, mereka menafikan tentang melihat Allah Ta'ala<sup>91</sup>.

Berhubung dengan perbuatan ikhtiarah (pilihan) manusia, menurut ah� al-Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa perbuatan ikhtiarah yang terbit dari manusia itu hanya sekadar usaha sahaja, tidak lebih dari itu. Munurut mazhab Jabariah pula berpendapat bahawa tidak ada bagi manusia itu perbuatan yang dinamakan usaha, tetapi ianya terpaksa seperti bulu terbang oleh angin di udara sahaja. Manakala Mu'tazilah pula mempunyai pandangan yang berbeza iaitu sesiapa di kalangan manusia yang berkuasa menjadi segala perbuatan dirinya yang ikhtiarah dengan qudrat yang dijadikan oleh Allah Ta'ala pada dirinya<sup>92</sup>.

Di sini menurut Syeikh Ahmad jelaslah bahawa mazhab ah� al-Sunnah wa al-Jamaah ini mempunyai pandangan atau pendapat sederhana (moderat), iaitu semacam susu yang bersih yang terkecuali dari darah dan tahi yang lazat diminum.

Berkenaan terjemahan makna qidam ke dalam bahasa Melayu, Syeikh Ahmad dapat mengutarakan jawaban dari soalan yang berhubung dengan masalah ini. Pertama munurut Syeikh Ahmad bahawa arti qidam boleh diterjemah dengan pengertian "lama". Ini berdasarkan kepada percakapan orang Arab pada setiap yang lama itu ialah qadim. Kemudian mereka pakaikan perkataan qidam ini dalam percakapan harian mereka kepada tiga makna. Pertama qidam zati (lama nisbah

<sup>91</sup> Ibid., hlm. 14.

<sup>92</sup> Syekh Ahmad al-Patani, 'Iqdul Juman', hlm.9.

kepada zat) iaitu lama yang tiada bermula, dan pengertian ini hanya boleh dipakaikan pada zat Allah Ta’ala dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Orang Melayu juga telah memakai makna qidam zati ini akan perkataan “sedia” dengan pengertian lama yang tiada bermula. Makna yang kedua ialah qidam zamani (lama dinisbahkan kepada masa), iaitu lama makhluk, seperti kata orang Arab “kain ini lama” (haza al-thaubu qadim). Manakala makna yang ketiga pula ialah qidam idhafi (lama dinisbahkan kepada sandaran), iaitu seperti lama bapa daripada anak dan sebagainya, dan kedua-dua ini (qadim zamani dan qadim idhafi) mustahil bagi Allah Ta’ala<sup>93</sup>.

Jawaban yang kedua pula menurut Syeikh Ahmad bahawa qadim juga boleh diterjemah dengan pengertian sedia, kerana “sedia” pada kalangan orang Melayu juga dipakai kepada dua makna. Pertama dalam arti sedia yang telah lalu (sedia sentiasa), iaitu yang tiada bermula baginya sekali-kali. Ini hanya khusus bagi zat Allah dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Makna kedua ialah sedia yang ada permulaan, seperti kata sesetengah orang Melayu terhadap bekas isterinya yang telah diceraikan ketika mana hendak membahagikan harta antara keduanya, “harta ini tidak boleh dibahagi, kerana hak aku yang sedia lagi”. Termasuk dalam ta’rif yang kedua ini ialah kata seseorang kepada kawannya, “hendaklah kamu sediakan, kerana aku hendak ziarah kamu esok hari” dan banyak lagi contoh-contohnya<sup>94</sup>.

---

<sup>93</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan Ilmu**, hlm 14-15.

<sup>94</sup> Ibid., hlm. 16.